

RUKUN NEGARA

1. Kepercayaan kepada Tuhan
2. Kesetiaan kepada Raja dan Negara
3. Keluhuran Perlembagaan
4. Kedaulatan Undang-Undang
5. Kesopanan dan Kesusilaan

TLDM VISION

To be a world class navy
(Always excellent)

TLDM MISSION

To protect Malaysia sovereignty and
maritime interest

VISI PSSTLDM

Menjana pasukan simpanan TLDM yang
cemerlang dan berketerampilan

MISI PSSTLDM

Menyediakan sumber manusia simpanan
yang bersemangat juang, berkemahiran dan
mempunyai kecekapan setanding warga tetap TLDM

IKRAR KESATRIA

KAMI BERIKRAR :

PERTAMA : BERIMAN KEPADA TUHAN DAN BERTAKWA KEPADANYA

**KEDUA : SETIA KEPADA NEGARA DAN SEDIA BERKORBAN DEMI
KEPENTINGANNYA DENGAN TIDAK SEKALI-KALI MENGENAL
MENYERAH**

**KETIGA : MEMEGANG TEGUH DISIPLIN TENTERA DAN SENTIASA
MENJUNJUNG TINGGI SIKAP KEPERWIRAAAN DAN
KEHORMATAN TENTERA**

**KEEMPAT : MENGUTAMAKAN PELAKSANAAN TUGAS DENGAN JUJUR DAN
IKHLAS**

KELIMA : MENYIMPAN RAHSIA NEGARA DENGAN SEKETAT-KETATNYA

IKRAR PDL

CODE OF HONOUR :

- 1. WE ARE OFFICER UNDER TRAINING**
- 2. WILL NOT TELL LIES**
- 3. CHEAT OR STEAL**
- 4. NOR BETRAY**
- 5. HENCE WILL NOT TOLERATE**
- 6. AMONG US THOSE WHO VIOLATE THIS CODE**

***RMN FLAG OFFICER**

PANGLIMA TENTERA LAUT



**LAKSAMANA TAN SRI AHMAD
KAMARULZAMAN BIN HJ AHMAD
BADARUDDIN**

**PGAT PSM PJN SPTS SPMS DGPN
DGSM PSAT DPMS PGDK PAT JMN
SMS KAT KMN PJM PKN PPS PPA
MBA (Strathclyde) MA (UKM) mpat
Psc**

TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT



**LAKSAMANA MADYA DATUK
MOHD REZA BIN MOHD SANY**

**PSD PSAT DPTS DSDK PMW PAT
KAT KMN PJM PPS PPA MSc DSS
Ndu (Islamabad) ncc psc**

PANGLIMA ARMADA BARAT



**LAKSAMANA MADYA DATO'
PAHLAWAN HJ MOHAMAD ADIB
BIN ABDUL SAMAD**

**PSAT DPTS PAT JSM KAT KMN
AMN ACM PJM PPS PPA cdss MA
(Deakin) MPhil (Madras) ndc (India)**

PANGLIMA ARMADA TIMUR



**LAKSAMANA MADYA DATUK
ABDUL RAHMAN BIN AYOB**

**PSAT DPSM PAT JSM KAT KMN
PJM PPS PPA National Order of
Merit MA Strat (Deakin) Dip PSP
dssc psc**

PANGLIMA WILAYAH 1



**LAKSAMANA MUDA ABU BAKAR
BIN MOHD AJIS**

**PAT KAT KMN PJM PPS PPA MSoc
Sc DS (UKM) mpat psc**

PANGLIMA WILAYAH 2



**LAKSAMANA MUDA DATO'
GANESH NAVARATNAM**

**PSAT DSIS PAT SMS KAT KMN
PJM PPS PPA MSc So (UKM) Dip
PSP (UM) mpat psc**

PANGLIMA WILAYAH 3



**LAKSAMANA PERTAMA RUSLI
BIN AHMAD**

**PAT SAP SDK KAT KMN PJM
PNBB PPS PPA Msc So (UKM)
mpat psc**

PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN



**LAKSAMANA MUDA DATO'
RUSLI BIN RAMLI**

**PSAT DSPN PAT JSM DJN BCN
DSM KAT KMN PJM PPS PPA
MA (Wollongong) AdvDip DSSC
(Beijing) Dip PSP (UM) fndu psc**

PANGLIMA UDARA TLDM



**LAKSAMANA PERTAMA ROSLAN
BIN MOHD YUNUS**

**PAT SMP KAT KMN PJM PPS PPA
MSc EBM (Warwick) MSoc Sc DS
(UKM) mpat**

PANGLIMA PASUKAN KHAS LAUT



**LAKSAMANA PERTAMA ANUAR BIN HJ ALIAS
(PGB)**

**PAT SMS PGB KMN AMS PPT (Sel) PJM PNBB PPS
PPA Lemhannas MM (UNITAR) Dip PSP (UM) ncc psc**

PANGLIMA LOGISTIK BARAT



**LAKSAMANA PERTAMA Ir. FRANKLIN
JEYASEKHAR JOSEPH**

**PAT KAT PJM PPS PPA CEng CMarEng MSc
Software Eng(UTM) FIMarEST BEng Elect(USCGA) P
Eng**

PANGLIMA ANGKATAN KAPAL SELAM



**REAR ADMIRAL DATO' ZULHELMY BIN
ITHNAIN**

**PAT SIS KAT PJM PPS PPA *Order Of Legion
d'Honneur* MNSA psc**

PANGLIMA KESIAGAAN TLDM



**LAKSAMANA PERTAMA MUHAMMAD RUZELME
BIN AHMAD FAHIMY**

**PAT PMP KAT KMN ADK PJM PPS PPA MMgt (UM)
Dip PSP (UM) ncc psc**

PANGLIMA LOGISTIK TIMUR



**LAKSAMANA PERTAMA SYED AHMAD HILMI
BIN SYED ABDULLAH**

**PAT KAT KMN PJM PPS PPA MMgt (UNITAR) BBA
(HONS) (HRM) (UiTM)
Dip BS (ITM) CMILT**

KETUA PENGARAH PUSAT HIDROGRAFI NASIONAL



**LAKSAMANA MUDA HANAFIAH
BIN HASSAN**

**PAT SMS KAT PJM PPS PPA MSoc
Sc DS (UKM) Dip PSP (UM) mpat
psc**

ASISTEN KETUA STAF KEJURUTERAAN



**LAKSAMANA MUDA DATO'IR HAJI
KHAIRUDDIN BIN KHALID**

**PSAT DIMP DSIS PAT JSM SMS
KAT KMN PJM PPS PPA FIMarEST
MA Defence (UKM) B Eng Mech Aero
(UTM) Hons CEng CMarEng mpat
psc**

INSPEKTOR JENERAL



**LAKSAMANA PERTAMA
BAHARUDIN BIN WAN MD NOR**

**PAT SIS KAT PJM PPS PPA Order
National de la Legion d'Honneur
(France) MA (NSA) nsc**

ASISTEN KETUA STAF OPERASI DAN EKSESAIS



**LAKSAMANA MUDA DATUK
KHAIRUL ANUAR BIN YAHYA**

**PSD PSAT PAT JSD KMN PJM PPS
PPA MA Defence (UKM) AdvDip BA
mpat fndu psc**

ASISTEN KETUAN STAF PENTADBIRAN



FIRST ADMIRAL MOHD YUSRI BIN HJ MOHD YUNUS

PAT SMP KAT KMN PJM PJK PPS PPA MSoc Sc (UKM) Dip PS (UM) mpat psc

ASISTEN KETUA STAF MATERIEL



FIRST ADMIRAL MOHD RIDZUAN BIN HAMZAH

PAT DSM KAT KMN PJM PPS PPA MMgt (UNSW) MCIT (UK) ADLM Dip Acc (UITM)

ASISTEN KETUA STAF PERISIKAN LAUT



FIRST ADMIRAL DATO' MUHAMAD RIDZWAN BIN ABDUL RAHMAN

DSDK PAT SDK KAT KMN PJM PPS PPA Msc (Mngt) Dip SDS kndu psc

ASISTEN KETUA STAF PERANCANGAN PEMBANGUNAN



REAR ADMIRAL SHAMSUDDIN BIN HJ LUDIN

**PAT SDK KAT AMN PJM PPS PPA
MOM DEF STUDIES (UNIV CANBERRA),GRAD
CERTIFICATE MARITIME STUDIES (UNIV
WOLLONGONG),DIP HRM (OUM) psc**

***PANGLIMA TENTERA LAUT**



LAKSAMANA TAN SRI AHMAD KAMARULZAMAN HJ AHMAD BADARUDDIN

PGAT PSM PJN SPTS SPMS DGPN DGSM PSAT DPMS PGDK PAT JMN SMS KAT

KMN PJM PKN PPS PPA

N/401398

**The Order of King Abdulaziz (Excellent Grade)
(Saudi Arabia) MBA (Strathclyde) MA (UKM) mpat psc**

Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman menyertai Tentera Laut pada 24 Februari 1977 selepas manamatkan pengajian di Maktab Tentera Diraja. Beliau mengambil alih tampuk pemerintahan Tentera Laut Diraja Malaysia sebagai Panglima Tentera Laut Ke-16 pada 18 November 2015. Sepanjang 40 tahun berkhidmat, beliau telah memegang beberapa jawatan penting di dalam Tentera Laut dan tiga perkhidmatan termasuk Panglima Angkatan Bersama, Panglima Armada, Panglima Wilayah Laut 2 dan Asisten Ketua Staf (Rancang dan Operasi) di Markas Tentera Laut.

Beliau telah memperolehi Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada Universiti of Strathclyde Business School, Scotland dan Ijazah Sarjana Pengajian Pertahanan dan Perhubungan Antarabangsa (MA) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau turut menamatkan Program Eksekutif dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Kenan-Flagler Business School, Universiti North Carolina Amerika Syarikat. Beliau juga merupakan Distinguished Graduate dalam bidang Peperangan Politik daripada Kolej Fu Hsing Kang, Republik Rakyat China.

Beliau adalah merupakan lulusan Naval War College, Newport, Rhode Island. Beliau juga telah menghadiri pelbagai kursus profesional dan ketenteraan di dalam dan luar negara termasuk International Surface Warfare Officer's Course di Sekolah Amfibi Tentera Laut Coronado, San Diego, Amerika Syarikat; Principal Warfare Officer Course di HMS DRYAD, Portsmouth, United Kingdom; Kursus Pengurusan Krisis Antarabangsa di Institut Tadbiran Awam Nagara (INTAN), Kuala Lumpur dan pelbagai kursus serta kelayakan yang lain.

Beliau sering dijemput menjadi penceramah seminar dan konferens keselamatan maritim antarabangsa termasuk International Seapower Symposium (ISS) di Rhode Island, ASEAN Regional Forum (ARF) di India dan Kuala Lumpur, US Military Operations (MILOPS) Conference di Singapura, International Maritime Organization (IMO) Conference di Jakarta, Littoral Defense Conference di Singapura, Electronic Warfare Conference di London, ASEAN Navy Chiefs Meeting (ANCM) dan MIMA International Conference di Kuala Lumpur.

Sebagai pengiktirafan di atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan, beliau telah dianugerahkan pelbagai pingat dan darjah kebesaran dari dalam dan luar negara. Antara darjah kebesaran yang dikurniakan kepada beliau adalah Pingat Setia Nakhota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri dan Panglima Gagah Angkatan Tentera (PGAT) oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV serta The Order of King Abdulaziz (Excellent Grade) daripada Kerajaan Arab Saudi.

Beliau telah berkahwin dengan Puan Sri Noor Azrina Binti Abdullah dan dikurniakan seorang anak lelaki. Beliau minat membaca dan merupakan seorang yang berwawasan.

TIMBALAN PANGLIMA TENTERA LAUT



LAKSAMANA MADYA DATUK MOHD REZA BIN MOHD SANY
PSD PSAT DPTS DSDK PMW PAT KAT KMN PJM PPS PPA MSc DSS
Ndu (Islamabad) ncc psc

Laksamana Madya Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany dilahirkan pada 13 Ogos 1963 di Kuala Lumpur. Beliau menyertai Angkatan Laut pada 1 Mei 1981 selepas menamatkan pendidikannya di Royal Military College. Semasa berkhidmat, beliau mengadakan beberapa pelantikan di darat dan di laut seperti Aide-de-Camp kepada Yang Mulia Yang Dipertuan Agong IV-Istana Negara, Penolong Ketua Staf (Sumber Manusia)- Ibu Pejabat Angkatan Laut, Penolong Ketua Staf (Rancangan dan Operasi)- Tapak Angkatan Laut, Komandan PUSTAKMAR-Pangkalan Tentera Laut Lumut. Pelantikan terakhirnya di laut adalah sebagai Pegawai Pemerintah KD LEKIU. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Komander Wilayah Laut 1 dan pada masa ini beliau mengambil alih sebagai Komander Tentera Bersama pada 27 November 2017.

Laksamana Madya Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany adalah lulusan Kursus Perintah Tentera Laut AS, Kolej Peperangan Angkatan Laut di Newport, Rhode Island. Beliau juga merupakan lulusan Universiti Pertahanan Nasional, Islamabad, Pakistan dan memperoleh Master of Science dalam Pengajian Pertahanan & Strategik.

Semasa waktu luangnya, Timbalan Panglima Tentera Laut Datuk Mohd Reza bin Mohd Sany suka pergi berburu, memancing dan suka aktiviti luar. Beliau berkahwin dengan Datin Maslina binti Ismail dan dikurniakan dengan lima orang anak lelaki.

PANGLIMA ARMADA BARAT



LAKSAMANA MADYA DATO' PAHLAWAN HJ MOHAMAD ADIB BIN ABDUL SAMAD

PSAT DPTS PAT JSM KAT KMN AMN ACM PJM PPS PPA cds MA (Deakin) MPhil

(Madras) ndc (India)

Tarikh Lahir : Ogos 1959

Isteri : Datin Saadiah

PANGLIMA ARMADA TIMUR



LAKSAMANA MADYA DATUK ABDUL RAHMAN BIN HJ AYOB

PSAT DPSM PAT JSM KAT KMN PJM PPS PPA National Order of Merit MA Strat (Deakin)

Dip PSP dssc psc

Tarikh Lahir/ Tempat Lahir : 2 Disember 1964 – Johor Bahru, Malaysia

Isteri : Datin Dr. Norinah

PANGLIMA PENDIDIKAN DAN LATIHAN



LAKSAMANA MUDA DATO' RUSLI BIN RAMLI

PSAT DSPN PAT JSM DJN BCN DSM KAT KMN PJM PPS PPA MA (Wollongong)

AdvDip DSSC (Beijing) Dip PSP (UM) fndu psc

Tarikh/ Tempat Lahir : 25 Disember - Penang

Isteri : Datin Nulaila Binti Abdul Latiff

PANGLIMA WILAYAH LAUT 1



LAKSAMANA MUDA ABU BAKAR BIN MOHD AJIS

PAT KAT KMN PJM PPS PPA MSoc Sc DS)UKM) mpat psc

Tarikh/ Tempat Lahir : 8 Mei 1964 - Nee Soon, Singapura

Isteri : Mazuiyah Binti Mohd Dom

PANGLIMA WILAYAH LAUT 2



LAKSAMANA MUDA DATO' GANESH NAVARATNAM

PSAT DSIS PAT SMS KAT KMN PJM PPS PPA MSc So (UKM) Dip PSP (UM) mpat psc

Tarikh/ Tempat Lahir : 26 April 1961 – Klang, Selangor

PANGLIMA WILAYAH LAUT 3




LAKSAMANA PERTAMA RUSLI BIN AHMAD

PAT SAP SDK KAT KMN PJN PNBB PPS PPA Msc So (UKM) mpat psc

Tarikh/ Tempat Lahir : 30 mac 1962 – Alor Setar, Kedah

3 ASAS RUTIN ALPHA




***Setiap perkara yang ditanda (*) adalah salah satu rutin alpha**

*TUJUAN SQUARE BASHING

- ❖ Menukar cara hidup orang awam kepada semi-military.
- ❖ Mendedahkan cara hidup, disiplin dan kegiatan dalam PALAPES.
- ❖ Merapatkan hubungan dengan pegawai-pegawai kadet yang lebih senior.
- ❖ Membentuk personality, keterampilan dan semangat kerjasama pasukan.
- ❖ Merapatkan nilai-nilai murni dalam kalangan pegawai kadet.

PRINSIP- PRINSIP PALAPES LAUT



SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN TLDM

Tentera Laut Malaysia bermula dengan pembentukan Tentera Laut Sukarelawan Simpanan Negeri Selat (TLSSNS) – Straits Settlement Naval Volunteer Reserve yang telah ditubuhkan oleh kerajaan colonial British di Tanah Melayu pada 27 April 1934 di Singapura. TLSSNS ditubuhkan untuk membantu *Royal Navy* mempertahankan kawasan perairan Tanah Melayu ekoran perkembangan, pergolakan politik di Asia di mana empayar Jepun sedang memperluaskan kuasa dan pengaruhnya.

Apabila Perang Dunia Ke-2 meletus di Eropah, TLSSNS telah meningkatkan pengekrutan demi mengukuhkan pertahanan Tanah Melayu memandangkan asset-asset *Royal Navy* diperlukan dimedan operasi Eropah. TLSSNS telah dikerahkan untuk perkhidmatan aktif sebagai unit *Royal Navy Malay Section*, ataupun *Malay Navy* dengan kekuatan seramai 400 orang anggota. Golongan ini menjalani latihan di kem HMS PELANDOK. Keanggotaan *Malay Navy* kemudiannya meningkat kepada 1450 orang apabila perang meletus di Asia Tenggara.

Semasa Perang Dunia Ke-2, *Malay Navy* berkhidmat di bawah Tentera Bersekutuatau lebih tepat lagi di bawah panji-panji *Royal British Navy*. *Malay Navy* berkhidmat bersama *Royal Navy* di medan operasi di Lautan Hindi dan Pasifik. Perang tamat apabila Jepun menyerah kalah pada tahun 1945, hanya 600 anggota sahaja yang melaporkan diri semula. Pada tahun 1947, *Malay Navy* terpaksa dibubarkan akibat kemelesatan ekonomi yang melanda.

HMS MALAYA WOODLANDS SINGAPURA

Pada 24 Disember 1948, Tanah Melayu diisytiharkan darurat akibat ancaman penganas komunis. Menyedari kepentingannya, pihak British menubuhkan semula *Malay Navy* (MNF). Tarikh 4 Mac 1949 menyaksikan hari perasmian dan penubuhan MNF yang berpangkalan di HMS Malaya, Woodlands, Singapura.

Misi utama MNF ialah pengawasan persisiran pantai bagi menghalang penganas komunis daripada memperoleh bantuan bekalan melalui jalan laut. Angkatan ini diberi tugas mengawal laluan ke Singapura dan pelabuhan-pelabuhan lain. MNF juga dibekalkan dengan sebuah Frigate kelas River HMS Testyang turut digunakan sebagai kapal latihan. Pada 29 Ogos 1952, Her Royal Majesty Queen Elizabeth (Ratu Elizabeth 2) telah mengurniakan gelaran 'Diraja' kepada MNF, menjadikan MNF kini dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia (*Royal Malaysian Navy*) di atas perkhidmatan MNF yang cemerlang.

Pada 5 Ogos 1955, Ketua Menteri Singapura, David Marshall telah melawat kapal itu. Beberapa buah kapal *Royal Malaysian Navy* telah menyertai latihan-latihan dengan *Royal Malay* dan Tentera Laut negara-negara KOMANWEL yang lain pada tahun itu. Tugas-tugas yang dilakukan oleh *Royal Malaysian Navy* pada tahun 50-an diutamakan kepada mengawal keselamatan perairan Tanah Melayu dan Singapura. Kapal-kapal *Royal Malaysian Navy* sentiasa meronda di sekitar perairan terutama perairan Pengerang Batu Pahat, dimana kegiatan pengganas komunis dipercayai berleluasa. Sementara itu, HMS PELANDOK banyak membantu dalam rondaan di sekitar kawasan pantai Semenanjung Tanah Melayu dan juga memberi bantuan kepada anggota-anggota polis dengan membuat tembakan dari laut.

Apabila Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, perkara utama yang difikirkan oleh pemimpin-pemimpin adalah mengenai keselamatan negara. Peristiwa Tanah Melayu dijajah oleh Jepun pada tahun 1941 telah menjadikan pengajaran supaya ia tidak berulang setelah negaramencapai kemerdekaan. Kemerdekaan Tanah Melayu telah menamatkan penjajahan British dan sekaligus kuasa mutlak berpindah sepenuhnya kepada pemimpin negara. *Royal Malaysian Navy* akhirnya diserahkan secara rasmi kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 2 Julai 1958.

Penaikan bendera Tentera Laut Persekutuan secara rasminya menandakan *Royal Malaysian Navy* memikul tanggungjawab untuk mempertahankan perairan Persekutuan. *Royal Malaysian Navy* memulakan tugasnya hanya dengan sebuah pangkalan pusat di HMS Malaya Woodland, Singapura dan sebuah armada kecil yang terdiri daripada hanya sebuah LCT, 2 buah kapal Penyapu Ranjau (minesweeper) kelas HAM dan 7 buah kapal petrol. Sekali lagi, pada 16 September 1963, pasukan ini dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaysia dan akronim iaitu "HMMS" (Her Majesty Malayan Ship) telah ditukar kepada "KD" yang bermaksud Kapal Diraja.

Apabila TLDM diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan Malaysia pada 1 Julai 1958, ia mula berkembang dengan begitu pesat dan cemerlang. Sewaktu pemerintahan Panglima Tentera Laut yang pertama, salah satu usaha beliau yang boleh dijadikan sejarah ialah perancangannya untuk memindahkan pangkalan TLDM Woodland ke Lumut. Usaha beliau menjadi reality dan rancangan ini telah mula direalisasikan pada tahun 1979. Walaupun tampuk pemerintahan Tentera Laut Bertukar ganti, wawasan yang sedia ada tetap dilaksanakan dengan jayanya oleh Panglima-Panglima seterusnya.

PENGGALAN TLDM WOODLANDS, SINGAPURA

Pangkalan TLDM Woodlands masih lagi beroperasi sebagai pangkalan bantuan logistik kepada kapal-kapal yang beroperasi di bahagian selatan semenanjung pangkalan Berek TLDM Woodlands dan diletakkan di bawah organisasi pemerintahan Markas Wilayah Laut 1. Manakal Pusat Latihan Rekrut terus dilaksanakan di KD PELANDOK (Pangkalan TLDM Lumut). Dengan bertambahnya pelatih yang mengikuti kursus-kursus kerjaya termasuk pendekatan yang diambil oleh TLDM adalah dengan mengasingkan pelatih-pelatih muda ini. Sekali lagi, Pusat Latihan Rekrut telah berpindah ke Berek TLDM Woodlands di Singapura. Pada tahun 1984, iaitu selepas perpindahan KD PELANDOK ke Lumut. Pusat Latihan Rekrut berada di bawah organisasi KD PELANDOK sementara Berek TLDM Woodlands yang bertindak sebagai Unit Bantuan masih di bawah pemerintahan MAWILLA 1.

Pada tahun 1996, Pusat Latihan Rekrut telah dikenali sebagai nama Fakulti Rekrut (FAREK). Pada pertengahan tahun 1994, berita pangkalan TLDM Woodlands akan diserahkan kepada kerajaan Singapura tersebar luas. Akhirnya, berita tersebut menjadi realiti apabila Tanjung Pengelih yang terletak lebih kurang 129 km daripada bandar Johor Bahru telah dipilih untuk dijadikan pangkalan baru dengan diberi nama singkatan PULAPEK TLDM. Penyerahan Berek TLDM Woodlands kepada kerajaan Singapura telah dilaksanakan kerajaan pada 2 Disember 1997. Kemasukan TLDM ke zaman peluru berpandu adalah satu langkah yang bersejarah dalam kemajuan TLDM dimana telah menjadi tradisi. Bersal dari sebuah kapal penyapu periuk apimenggunakan anrang batu bernama HMS PENYU pada tahun 1954. TLDM kini telah dilengkapi dengan kapal-kapal turbin gas yang laju, bersenjatakan peluru-peluru berpandu untuk peperangan dari permukaan menggunakan kemajuan sains dan teknologi.

SEJARAH PENUBUHAN PALAPES LAUT UUM

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan UUM (PALAPES UUM) ditubuhkan pada 1 Mei 1984. Ketika UTM masih belum bercadang untuk menubuhkan pasukan simpanan, walaupun telah diberi peruntukan penubuhannya, pihak UUM telah menggunakan peluang dan kuasa itu untuk menubuhkan PALAPES UUM dan ia telah diluluskan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia.


Di awal penubuhannya, seramai 2 orang pegawai dan 3 orang lain-lain pangkat (LLP) yang mengurus dan memberi latihan kepada anggota PALAPES. Markas PALAPES UUM pertama bertempat di Kem Bukit Pinang sebelum dipindahkan ke pejabat sementara di bilik kuliah Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik Kampus Darul Aman.

Pada 13 Februari 1992 secara rasminya Naib Canselor Dato' Othman Yeop Abdullah selaku Komandan PALAPES UUM telah merasmikan petempatan baru sebagai Markas PALAPES UUM dalam kamus induk UUM. Empat tahun selepas perasmian Markas PALAPES UUM yang baharu, pihak UUM bekerjasama dengan Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) KD Sri Pinang telah menubuhkan PALAPES LAUT UUM dengan kekuatan seramai 39 orang pengambilan pegawai kadet tahun satu.

Sebelum pelaksanaan PALAPES Laut UUM dirasmikan, Timbalan Komandan PALAPES UUM Kol. Datuk Ahmad Fawzi bin Basri telah melakukan beberapa rundingan dengan Markas Tentera Laut (MTL) menyatakan hasrat tersebut kepada Timbalan Panglima Tentera bersama APTL sehingga MTL telah meluluskan penubuhan PALAPES Laut UUM selepas tinjauan khas oleh Pegawai Staf Satu ke Markas PALAPES UUM.

Dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, sehingga kini PALAPES Laut UUM menjalankan latihan yang dikendalikan oleh jurulatih pasukan KD Sri Pinang yang menjadikan latihan tenaga pengajar kepada pegawai simpanan PALAPES UUM.


STRUKTUR ORGANISASI TLOM 2018




- Lampiran:**
- Struktur Organisasi Markas Tentera Laut, 2017.
 - Struktur Organisasi Markas Permintahan Armada Barat.
 - Struktur Organisasi Markas Permintahan Armada Timur.

--- = Saluran permintahan pentadbiran
 - - - - = Dalam perancangan hadapan


STRUKTUR ORGANISASI MARKAS TENTERA LAUT 2018



STRUKTUR ORGANISASI MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA BARAT




STRUKTUR ORGANISASI MARKAS PEMERINTAHAN ARMADA TIMUR



--- = Dalam perancangan hadapan

ORGANISASI PASUKAN SIMPANAN SUKARELA TLDM



TLDM : UNIT-UNIT SIMPANAN SUKARELA (PSS)

Penubuhan unit-unit Simpanan Sukarela (PSS) :

1. Simpanan Pilihan (PALAPES / PLAS)
2. Simpanan Pakar (Pelabuhan / Perkapalan)
3. Simpanan Khusus (Perikanan / Perubatan / JabatanLaut)
4. Simpanan Sukarela Biasa
5. Simpanan Angkatan Tetap (Bekas Pegawai dan LLP TLDM)

Komponen-komponen ini telah diletakkan di bawah empat (5) unit PSSTLDM bertauliah iaitu :

- KD SRI MANJUNG
- KD SRI MEDINI
- KD SRI KLANG
- KD SRI PINANG
- KD SRI LIKAS

Enam (6) unit Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) iaitu :

- PSTL Setiu
- PSTL Kuantan
- PSTL Kuching
- PSTL Labuan
- PSTL Sandakan
- PSTL Tawau

Sembilan (11) unit Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES-LAUT) iaitu :

1. Universiti Utara Malaysia (UUM)
2. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
3. Universiti Sains Malaysia (USM)
4. Universiti Malaysia Sabah (UMS)
5. Universiti Malaysia (UM)
6. Universiti Putra Malaysia (UPM)
7. Universiti Teknologi Mara (UITM)
8. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
9. Universiti Malaysia Pahang (UMP)
10. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
11. Akademi Laut (ALAM)*

Telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 Ogos 2010 dan merupakan komponen pertama diwujudkan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

LIMA (5) unit Pasukan Latihan Anggota Simpanan (PLAS) iaitu :

- Politeknik Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor
- Politeknik Ibrahim Sultan (PIS), Pasir Gudang, Johor
- Institut Kemahiran MARA Manjung, Perak
- Politeknik Matang, Kuching
- Satu (1) unit PAKAR (Limbungan).

Satu dimensi baru PSSTLDM terbentuk bagi penyelesaian jangka panjang terhadap keselamatan, iaitu konsep kerjasama dan perkongsian strategik di antara TLDM dan MISC telah termeterai. Sebuah kapal dagang ditransformasikan menjadi sebuah kapal Auxiliary TLDM [**BUNGA MAS 5 (BM 5)**] dengan krew BM 5 yang telah diserapkan ke PSSTLDM untuk melaksanakan operasi menjaga keselamatan kapal-kapal dagang Malaysia yang berkepentingan di zon-zon yang berisiko tinggi seperti di Perairan Teluk Aden Somalia.

PERANAN TLDM

KETIKA AMAN :

- ✓ Menyediakan kenaikan di laut dalam gerak dekat untuk pasukan keselamatan menjalankan tugas-tugas operasi.
- ✓ Untuk menyekat kemasukan bot-bot nelayan secara haram di kawasan perairan Malaysia.
- ✓ Menyelidik dan menjalankan singkatan laut di kawasan Malaysia.
- ✓ Memberi bantuan terhadap anggota awam terutama sekali penduduk di pulau-pulau seperti perubatan , keselamatan , makanan dan lain-lain.
- ✓ Mengawal perairan daripada serangan lanun.

KETIKA DAURAT :

- ✓ Mencegah kemasukan senjata-senjata haram yang dibawa dari luar negeri.
- ✓ Mencegah anasir-anasir subversive.
- ✓ Membuat pertahanan dan serangan yang datang dari laut.
- ✓ Menentukan supaya peraturan pecahan dan undang-undang laut berjalan dengan baik dari segi:
 - I. Mencegah kemasukan bot-bot penyeludupan.
 - II. Mencegah kemasukan warganegara asing dari masuk secara haram.
 - III. Menjaga keselamatan perahu-perahu nelayan.
 - IV. Menjalankan awasan di laut semasa perintah kawasan hitam diisytiharkan di negara ini.
- ✓ Mengadakan kenaikan untuk pasukan keselamatan bagi menjalankan operasi di pulau-pulau dan di selat untuk mendapatkan gerakan yang lebih dekat
- ✓ Memberi bantuan semasa kapal penyerang sedang membuat serangan terhadap sesuatu kawasan
- ✓ Membuat latihan untuk menambah pengecaman kepada semua bahagian

KETIKA PEPERANGAN ATAU PEPERANGAN TERHAD (LIMITED WAR) :

- ✓ Rondaan mencegah penyerapan.
- ✓ Tugas-tugas menangkis periuk api.
- ✓ Memberi perlindungan kepada kapal dagang.
- ✓ Memberi bantuan bedilan dari laut untuk pasukan di darat.
- ✓ Gerakan melawan musuh dari atas air dan juga bawah air.
- ✓ Mempunyai kebolehan terhad menjatuhkan periuk api di perairan musuh.
- ✓ Menjalankan serangan mengejut terhadap pantai musuh.
- ✓ Melakukan kerja-kerja sabotaj di bawah air.

ETIKA KERJA TLDM

KEMULIAAN

1. **AMANAH** - Menunaikan kepercayaan yang diletakkan oleh seseorang.
2. **IKHLAS** - Menerapkan niat yang jujur dalam melaksanakan sesuatu tugas.
3. **KEROHANIAN** - Mengamalkan budaya kerja dan hidup berlandaskan agama.
4. **CEKAP** - Melaksanakan tugas dengan profesional dalam masa ditetapkan.
5. **DISIPLIN** - Kawalan diri dan mematuhi peraturan ditetapkan.
6. **MUHASABAH** - Membuat penilaian diri secara berterusan untuk penambahbaikan diri sendiri.
7. **POSITIF** - Berfikir dan memperlihatkan sesuatu yang baik atau yang boleh mendatangkan manfaat.
8. **JUJUR** - Ketulusan hati dan ikhlas dalam melaksanakan tugas.
9. **PRIHATIN** - Mengambil berat terhadap sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh.

KESETIAAN

1. **TAAT** - Patuh terhadap segala perintah.
2. **KEPIMPINAN** - Berkeupayaan menerajui aspek pengurusan operasi, sumber manusia, aset dan pentadbiran.
3. **RELA BERKHIDMAT**- Sedia ditugaskan pada sebarang masa.
4. **SEMANGAT BERPASUKAN (ESPIRIT DE CORPS)** - Menerapkan kerjasama di organisasi dalam pelaksanaan tugas.
5. **HORMAT** - Memandang dan menyanjung tinggi antara sama satu sama lain.
6. **KEBERTANGGUNGJAWABAN** - Sedia memikul tanggungjawab yang diamanahkan dengan sepenuh hati.

KEBERANIAN

1. **KESELAMATAN DIRI** - Menjaga diri, rakan setugas dan keluarga daripada risiko kemalangan serta kecederaan.
2. **KESIAGAAN** - Sentiasa bersiap sedia untuk melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab.
3. **KESELAMATAN** - Sentiasa peka terhadap keselamatan persekitaran merangkumi keselamatan dokumen, harta benda dan anggota.
4. **KEKUATAN MENTAL** - Berupaya mengawal dan mengurus tekanan kerja.
5. **BERCAKAP BENAR** - Bertutur secara jujur dan berterus terang.
6. **SEMANGAT JUANG** - Sikap keberanian, pantang menyerah dan tidak mementingkan diri sendiri.

KEBANGGAAN

1. **KESIHATAN** - Sentiasa menjaga kesihatan fizikal dan mental.
2. **KECERGASAN** - Sentiasa cergas dalam melaksanakan tugas.
3. **KESEGAKAN** - Sentiasa menjaga ketrampilan diri.
4. **BERILMU** - Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan.
5. **KREATIF** - Menjana idea yang bernas, baru dan asli.
6. **INOVATIF** - Menghasilkan penambahbaikan atau ciptaan baru untuk manfaat organisasi.
7. **PEMBANGUNAN DIRI** - Meningkatkan keupayaan dan jati diri yang tinggi.
8. **MERANCANG** - Sentiasa memandang ke hadapan dan berfikir sebelum membuat sesuatu.
9. **MENEPATI MASA** - Berdisiplin dalam pengurusan masa.
10. **KUALITI** - Menghasilkan tugas yang memenuhi kehendak dan keperluan organisasi.
11. **BELANJA BERHEMAH** - Membudayakan amalan berjimat cermat.
12. **CONTOH TELADAN** - Mengamalkan perbuatan baik yang boleh menjadi ikutan.

MOTO TLDM



“Siapa atau sanggup menghadapi sebarang kesulitan dan dengan sukarela kehilangan sesuatu, walau nyawa sekalipun demi untuk kepentingan nusa dan bangsa”

S – SEDIA	B – BERTANGGUNGJAWAB
E – EFISIYEN	E – EFEKTIF
D – DEDIKASI	R – RAJIN
I – IKHLAS	K- KOMITED
A – AMANAH	O – ORGANISASI
	R – RASIONAL
	B- BERAKHLAK
	A – ADIL
	N – NEKAD

NILAI TERAS TLDM

KEMULIAAAN ialah melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan jujur, ikhlas, bertanggungjawab dan profesional demi kebaikan organisasi.

KESETIAAN ialah semangat setia kawan kepada rakan sekerja dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada organisasi, perkhidmatan serta negara.

KEBERANIAN ialah semangat keperwiraan dan berpegang teguh kepada kebenaran serta bertanggungjawab terhadap semua tindakan.

KEBANGGAAN ialah berkhidmat untuk TLDM dengan penuh rasa megah, komited dan berdedikasi.

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : ORGANISASI
TAJUK : TANGGUNGJAWAB MARKAS

PANGKALAN UTAMA:

- Department Tentera Laut (KEMENTAH, Kuala Lumpur)
- Markas Panglima Armada TLDM (Lumut, Perak)
- Markas Panglima Material Armada (Lumut, Perak)
- Markas Panglima Wilayah Laut 1 (Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang)
- Markas Panglima Wilayah Laut 2 (Teluk sepanggar, Kota Kinabalu, Sabah)
- Markas Panglima Wilayah Laut 3 (Tanjung Gerak, Langkawi, Kedah)

Department Tentera Laut :

- Bertanggungjawab dalam aspek kecekapan, moral dan tatatertib, rancangan latihan-latihan.
- Mengawal gerakan Tentera Laut dan menentukan keselamatan kukuh dalam Tentera Laut.
- Bertanggungjawab memelihara pertahanan dan mengadakan rancangan keselamatan dalam negara, rancangan kerjaya, pertukaran, kenaikan pangkat untuk anggota-anggota.
- Menentukan kelicinan pentadbiran, penilaian pengutamaan kelengkapan TLDM.
- Membuat syor berkaitan pakaian seragam dan lain-lain perkara mengikut arahan Majlis Angkatan Tentera.

Markas Panglima Armada :

- Bertanggungjawab kepada Panglima Tentera Laut dalam pengendalian Markas Wilayah Laut Satu dan Markas Wilayah Laut Dua, merancang dan menyelaras latihan kelautan/teknikal untuk kapal-kapal TLDM.
- Menentukan Armada dan pangkalan-pangkalan di bawah naungan sentiasa mencapai kecekapan yang tinggi di dalam semua aspek melalui pemeriksaan dan penilaian
- Memberi bantuan material di dalam semua aspek senggaraan teknikal dan pembekalan kepada pasukan-pasukan di bawah naungan.

Markas Panglima Material Armada :

- Bertanggungjawab melaksanakan dasar-dasar tertentu yang disalurkan melalui Department Tentera Laut.
- Bertanggungjawab terus terhadap perancangan program bantuan material kepada semua unit-unit dalam TLDM.
- Menentukan organisasi-organisasi bantuan material yang diwujudkan di bawah pemerintahan dan kawalan teknikal Panglima Material Armada memberi bantuan yang berkesan.
- Beberapa unit telah ditubuhkan di bawah pemerintahannya iaitu Depot Besar Logistik TLDM, Depot Besar Bekalan TLDM, Depot Peluru dan Letupan, Depot Senggaraan TLDM serta Degaussing dan Noise Range.

MAWILLA

- Tanggungjawab markas ini ialah menentukan kecekapan operasi, latihan dan pentadbiran yang licin kapal-kapal TLDM yang berada di bawah naungannya aerta menentukan peralatan dan mekanisma untuk kapal-kapal yang beroperasi sentiasa memuaskan.

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : DISIPLIN
TAJUK : AKTA RAHSIA (OSA)

TUJUAN

- Akta ini digubal bagi meminda dan memperkukuhkan undang-undang berkenaan dengan perlindungan rahsia rasmi,
- Ia adalah panduan bagi menentukan :
 - Perkara-perkara yang tertakluk.
 - Kesalahan dan hukuman.
 - Perkara-perkara rahsia selamat daripada anasir-anasir jahat.
 - Keselamatan negara terjamin.

BIDANG KUASA AKTA

Anggota-anggota yang tertakluk di bawah akta ini adalah :

- Anggota Angkatan Tentera.
 - Anggota tetap atau sukarela tentera Malaysia sama ada di dalam atau di luar negara.
 - Anggota tetap atau sukarela tentera asing yang berhubung atau bekerja dengan angkatan tentera Malaysia sama ada di dalam atau di luar negara.
 - Mana-mana angkatan bersenjata yang tertakluk di bawah undang-undang yang membuat atau mengatur lawatan di Malaysia.
- Anggota Perkhidmatan Awan.
 - Pihak Majlis Bandaraya.
 - Perseorangan, pihak pengadilan, perbadanan dan lain-lain yang terdapat dalam gazette khidmat awam.
 - Anggota yang tersenarai di dalam artikel 132 perundangan termasuk mana-mana kementerian, jabatan dan mahkamah.
 - Perbadanan kerajaan yang bersekutu (semasa perang).

- Dokumen-dokumen /barang perang yang tertakluk adalah :
 - Peta.
 - Pelan.
 - Model.
 - Pita rakaman (suara atau gambar).

- Tempat-tempat yang tertakluk adalah :
 - Pangkalan tentera.
 - Limbungan tentera.
 - Berek tentera.
 - Stesen tentera.
 - Tempat bukan tentera (awan) yang menyimpan alat-alat peperangan atau ketenteraan.

- Jenis-jenis hukuman di bawah (OSA) adalah:
 - Penjara seumur hidup.
 - Penjara sekurang-kurangnya setahun dan tidak melebihi 14 tahun.
 - Penjara sekurang-kurangnya setahun dan tidak melebihi tujuh tahun.
 - Penjara sekurang-kurangnya setahun dan tidak melebihi lima tahun.
 - Penjara sekurang-kurangnya setahun dan tidak melebihi RM 2,000 atau kedua-duanya sekali.
 - Denda tidak melebihi RM 2,000.

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : DISIPLIN
TAJUK : ARTIKEL PEPERANGAN TLDM

27 April 2016 6:10 PM

MUKADIMAH TENTERA Laut Diraja Malaysia (TLDM) menyambut ulang tahunnya yang ke- 82 hari ini.

Dalam pertemuan dengan wartawan Utusan Malaysia, **MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI** baru-baru ini, Panglima Tentera Laut, **DATUK SERI AHMAD KAMARULZAMAN AHMAD BADARUDDIN** berkata, pasukan itu kini giat menjalankan transformasi untuk menjadi salah satu kuasa armada yang digeruni di rantau ini.

Bagaimana transformasi Armada TLDM ketika ini ?

JAWAPAN: Sebagai sebuah negara maritim, TLDM perlu menentukan kedaulatan perairan negara sentiasa terjamin. Kita amat memerlukan armada yang berkeupayaan melaksanakan pelbagai peranan bagi menangani cabaran dan isu maritim secara berkesan.

Ketika ini, kapal-kapal TLDM telah menjangkau usia antara 30 ke 40 tahun dan melihat kepada kekangan kewangan yang sedang dihadapi, tiada perubahan besar boleh diharapkan dalam masa terdekat. Mengambil kira keadaan itu, TLDM harus menggunakan pendekatan baru dan berfikir di luar kotak supaya jurang keupayaan TLDM tidak ketinggalan.

Sebagai satu inovasi, langkah praktikal dan realistik melalui Program Transformasi 15-to-5 Armada TLDM adalah inisiatif baru dan berani ke arah pengurusan keupayaan yang mapan. Usaha ini menyaksikan pelan penyusunan semula armada daripada 15 kelas kapal kepada hanya lima kelas kapal yang lebih kos efektif untuk diselenggara dan diuruskan.

Program transformasi ini bakal menyaksikan lima kelas kapal yang bakal dimiliki mungkin dibina oleh limbungan tempatan. Ini akan mengurangkan kebergantungan terhadap negara luar serta memungkinkan pengurusan logistik lebih baik. Pada masa sama, industri pembinaan kapal negara dapat dipertingkatkan sekali gus menyumbang terhadap pembangunan ekonomi negara.

Apakah penekanan Datuk Seri dalam monorajui TLDM ?

Proses transformasi TLDM kini perlu dilihat dari tiga aspek yang berbeza iaitu dari segi hardware melibatkan aset-aset yang semakin canggih; kedua aspek software yang ialah penekanan kepada elemen profesionalisme, prestasi serta dasar-dasar dan doktrin yang sejajar peredaran masa.

Ketiga ialah humanware iaitu elemen modal insan Navy People yang bukan sahaja melibatkan anggota TLDM tetapi lebih menyeluruh termasuk veteran TLDM. Walaupun telah menamatkan perkhidmatan, kita masih anggap mereka sebahagian daripada Navy People. Sumbangan serta pengorbanan mereka tidak boleh dinilai dan amat dihargai oleh perkhidmatan TLDM.

Aspek pembangunan modal insan sangat ditekankan dalam TLDM. Setiap Navy People ada peranan masing-masing dan sumbangan mereka harus dihargai dan diiktiraf. Saya mahu meningkatkan keupayaan dan kemahiran mereka sehingga mencapai potensi yang tertinggi. Pada masa sama, k^{ita} perlu sentiasa mencabar kebolehan mereka dalam mempertingkatkan prestasi Navy People.

Bagaimana pula harapan Datuk Seri dari segi keanggotaan TLDM?

Dahulu saya melihat kaum lain banyak juga menyertai TLDM namun kini jumlahnya agak rendah. Menurut rekod terkini, jumlah pegawai dan anggota TLDM seramai 17,044 orang termasuk 339 bukan Bumiputera. Keadaan itu menyebabkan kita terpaksa menggunakan pendekatan baru dengan bantuan persatuan dan parti tertentu untuk menggalakkan penyertaan kaum lain.

Kita tidak mengira kaum dan agama dalam perkhidmatan, kalau hendak dilihat terdapat ramai juga pegawai Cina dan India yang berpangkat tinggi sehingga ke tahap Laksamana Pertama. Peluang berkursus di luar negara dan mengikuti program pembelajaran dalam dan luar negara sehingga ke peringkat doktor falsafah (PhD) sentiasa terbuka luas.

Oleh itu, saya menyeru lebih ramai remaja dan juga ibu bapa untuk memahami TLDM melalui portal rasmi TLDM iaitu www.navy.mil.my.

TLDM kini giat melaksanakan Inisiatif Bertanya Khabar (IBK), bagaimana ini boleh membantu?

TLDM memperkenalkan IBK dari segi tatacara tugas, amalan dan operasi pasukan tentera laut. Ini satu cara yang sangat berkesan dalam memahami sensitiviti komuniti maritim seperti nelayan. Menerusi inisiatif ini, cara rondaan anggota TLDM ditambah baik seperti berusaha mengingatkan bot-bot peronda bergerak perlahan setiap kali melintasi bot nelayan dan melambaikan tangan serta bertanya khabar.

Keprihatinan tentera laut akan memupuk semangat mereka untuk berkongsi maklumat mengenai sebarang perkara yang menyentuh isu keselamatan.

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/transformasi-tldmhadapi-cabaran-semasa-l.292780#ixzz40meQHE8Z>

Utusan Melayu (M) Bhd

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : DISIPLIN
TAJUK : TANDA HORMAT/ ISTIADAT

MAJLIS ISTIADAT TLDM

Sambutan Hari TLDM ke-83 pertama kali di Kota Kinabalu



PANGLIMA Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin melakukan tabik hormat ketika melakukan pemeriksaan barisan anggota Tldm ketika hadir pada Sambutan Hari Ulang Tahun TLDM Ke-83 di Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) hari ini. UTUSAN ONLINE/IRWAN MAJID

27 April 2017 9:25 AM

211

KOTA KINABALU 27 April - Padang Kawad KD sri Kota Kinabalu, Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Sepanggar di sini melakar sejarah apabila julung kalinya menjadi lokasi Perbarisan Istiadat sempena sambutan Hari TLDM Ke-83 hari ini. Sambutan hari bersejarah buat warga TLDM itu telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Laut, Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin tepat pukul 7.40 pagi.

Ahmad Kamarulzaman turut memeriksa perbarisan istiadat selain menerima tabik hormat daripada 321 pegawai dan anggota TLDM yang diketuai Komander Fakarizal Shah Ahmad.

Buat julung kali juga pegawai dan anggota TLDM menyarungkan pakaia baharu bercorak celoreng digital iaitu pakaian operasi TLDM. Ahmad Kamarulzaman dalam perutusannya teruja dengan kemantapan dan semangat yang ditunjukkan barisan pegawai dan anggota dalam perbarisan istiadat, tabik hormat selain nyanyi lagu Negaraku serta Samudera Raya.

"Saya rasa kagum dan teruja dengan semangat yang ditunjukkan pegawai serta anggota ketika menyanyikan lagu Negaraku dan Samudera Raya.

"Laungan suara yang bersemangat ini saya harap terus dizahirkan dalam menjalankan tugas menjaga keamanan dan keselamatan negara," katanya ucapan Perbarisan Istiadat sempena sambutan Hari TLDM Ke-83 di sini hari ini.

Ahmad Kamarulzaman mengingatkan, ancaman keselamatan maritim kini bukan hanya tertumpu di perairan Selat Melaka tetapi turut meliputi perairan Laut China Selatan dan Laut Sulu di pantai timur Sabah.

Kata beliau, ancaman ini perlu diberi perhatian dan sebagai benteng pertahanan negara, TLDM perlu bekerja keras bagi memastikan tahap keselamatan perairan dan aset-aset dan infrastruktur maritim negara terjamin.

"Persekitaran maritim yang selamat adalah sangat penting bagi kestabilan dan pertumbuhan ekonomi negara," katanya. - UTUSAN ONLINE

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.m/berita/wilayah/sabah/sambutanhari-tldm-ke-83-pertama-kali-di-kota-kinabalu-l.474673#iXZZ40mdeuwzC>

Utusan Melayu (M) Bhd

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : DISIPLIN
TAJUK : PERWATAKAN DIRI

AM

Angkatan Tentera Malaysia sangat mementingkan seseorang itu mempunyai personaliti cara yang baik. Maka seseorang itu perlu mempelajari dan melakukan perkara-perkara yang diperlukan dalam mernpingkatkan perwatakan.

FAKTOR PERWATAKAN

> Penjagaan dan pengawasan dari segi pakaian

- a. Rambut pendek dan kernas, Tidak melebihi pertengahan telinga dan mencecah kolar
- b. Misai mesti dicukur
- c. Janggut mesti dicukur

> Pergaulan

- a. Belajar dan tunjuk ajar
- b. Tegur-menegur
- c. Hormat-menghormati

> Pakaian yang dilarang di kawasan markas

- a. Seluar jeans
- b. Selipar
- c. Baju tanpa kolar

KEPIMPINAN TENTERA

DEFINISI KEPIMPINAN adalah satu cara untuk mempengaruhi sekumpulan manusia untuk mengikuti sesuatu tindakan. Ia satu cara mengawal mereka. Mengarah dan mendapat sesuatu yang baik dari mereka. Ia adalah campuran dari (contoh peribadi pegawai) asuhan (dinyatakan sebagai penguatkuasaan disiplin melaksanakan perintah-perintah tanpa persoalan) anggota-anggota untuk melakukan mengikut seperti mana kehendak pemimpin tersebut.

KUALITI-KUALITI YANG DIPERLUKAN OLEH SEORANG KETUA

1. KEBOLEHAN MEMBUAT KEPUTUSAN

Kesulitan di medan pertempuran di mana anggota-anggota bawahan memerlukan seorang pemimpin yang dapat memimpin mereka. Seorang ketua itu hendaklah tetap dengan keputusan yang dibuat walaupun ia mengakibatkan hilangnya pengaruh menempuh kesulitan.

2. SIFAT BERTENANG DALAM KRISIS

Kebolehan seseorang ketua itu membuat keputusan di mana beliau sentiasa tenang walaupun menempuhi kesulitan atau ketakutan. Dengan cara ini sahaja kepercayaan dari anggota-anggota mereka dapat diperolehi.

3. SEMANGAT

Ia adalah satu keadaan mental dan ia adalah kualiti yang pertama di dalam peperangan. Terdapat dua jenis semangat iaitu:

- **Semangat Fizikal**

Ini adalah keadaan emosi yang mana anggota-anggota bertarung nyawa atau mengalami kecederaan. Sebagai seorang ketua, anda hendaklah bersedia mematuhi kesulitan lebih daripada anak-anak buah.

- **Semangat Moral**

Ini jarang dan sulit diperolehi. Ia adalah cara yang mana anda melakukan apa-apa yang anda fikirkan betul dan baik walaupun ada balasannya.

4. KETAHANAN PERASAAN

Kamu tidak dapat menjadi seorang pemimpin jika kamu tidak kukuh ketahanan perasaan. Di dalam peperangan, seseorang pemimpin itu hendaklah melawan rintangan musuh yang dihadapi dengan sebaik mungkin. Selain itu, komander akan menempuh perkara seperti berikut:

> Keadaan cuaca

> Perasaan dari anggota-anggota bawahan yang tidak setuju dengan sesuatu tindakan yang dilaksanakan

> Komander bawahan yang tidak setuju dengan tindakan yang dilaksanakan.

Kesemua perkara tersebut mestilah diatasi dengan sebaik mungkin dan pemikiran Komander tersebut hendaklah sentiasa "flexible". Kejayaan di dalam peperangan bergantung kepada keupayaan untuk menang dan merentasi segala kesulitan.

5. INISIATIF

Ini bermakna anda tidak hanya duduk rumah dan menunggu sesuatu perkara berlaku tanpa mengambil tindakan sewajarnya. Sekiranya ia benar-benar berlaku, tindakan sewajarnya perlu diambil, jika tindakan akan bertanggungjawab atas perkara tersebut. Anda hendaklah sentiasa bersedia untuk menerima sebarang risiko. Jangan hanya menunggu perintah. Tindakan yang salah hendaklah dielakkan.

6. PENGETAHUAN

Seseorang itu hendaklah menaruh separuh kepercayaan terhadap orang bawahan. Anda mestilah berpengetahuan lebih daripada anggota-anggota bawahan baik dalam pekerjaan biasa atau tentera. Seperkara yang anda mesti tahu ialah pengetahuan orang bawahan anda. Untuk mendapat kepercayaan dan orang-orang bawahan, kamu mestilah mengenali perasaan, penerimaan, kebolehan dan tugas mereka. Anda mestilah terlebih dahulu memikirkan perkara kebajikan dan kemahuan mereka. Kenali kerja anda dan orang anda. Itu adalah dua faktor pengetahuan yang anda perlu tahu.

7. INTEGRITI

Keikhlasan dan kejujuran adalah ujian sebenar seseorang ketua itu. Ia bukan datang tatkala menang, kalah, kebuluran dan ketakutan tetapi ujian yang sebenarnya ialah apabila kepercayaan diperolehi dan anda mengarah sesuatu pekerjaan itu dilaksanakan. Anda mestilah sentiasa bersama mereka.

KUALITI KUALITI YANG LAIN

Tiada seorang ketua itu tahu kekurangan kualiti dan tiada dua orangketua sepertinya. Seseorang ketua itu semestinya ada kualiti-kualiti berikut:

i. KEADILAN

Ketua itu mesti tegas dan adil

ii. ELEMEN KEMANUSIAAN

Seseorang ketua itu mestilah tahu dan memahami orang-orangnya dan melayan mereka sebagai seorang manusia.

iii. KEBANGGAAN DI DALAM MEMERINTAH

Seseorang ketua berkebolehan memimpin dan dia mesti bangga melaksanakan perkara ini.

iv. TANGGUNGJAWAB

Tugas seorang pegawai tidak tamat pada jam 1615H tetapi akan berterusan 24 jam dan mesti sedarakan tanggungjawabnya.

v. KEGEMBIRAAN

Seseorang ketua itu mestilah bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku dan sedar akan apa yang berlaku.

vi. KESIHATAN FIZIKAL

Peperangan pada zaman moden memerlukan seseorang ketua itu mempunyai darjah kesihatan fizikal yang tinggi.

vii. BERSEMANGAT TINGGI

Seseorang ketua mestilah sayang kepada tugas serta bersemangat dan berhemah tinggi walaupun dalam keadaan atau tugas yang rumit.

viii. KETAATAN

Seseorang ketua itu mestilah taat kepada orang-orang atasan atau orang-orang kanan serta kepada orang-orang bawahan. Beliau mestilah menanam sifat sedemikian. Seseorang ketua itu janganlah berlindung di belakang kekurangan dan kesalahan orang bawahan. Jika sesuatu

rancangan yang telah dirancang gagal, beliau mestilah bertanggungjawab membetulkannya. Seseorang ketua bebas menyuarakan pendapat, akan tetapi jika sesuatu keputusan telah dicapai, beliau hendaklah mengikutnya dengan penuh ketaatan. Beliau juga boleh menerima kritikan.

ix. CONTOH

Seseorang ketua itu mestilah menunjukkan satu contoh yang baik dalam semua aspek. Beliau hendaklah berpakaian kemas, tepat dan adil pada masa.

x. PERKIRAAN

Seseorang ketua itu mestilah banyak menggunakan akal fikirannya juga berkebolehan memberi keputusan yang terbaik.

PENUTUP

- ❑ Kualiti-kualiti di atas dapat membolehkan seseorang menjadi ketua yang baik tetapi jangan sesekali anda memikirkan anda telah mempelajari semua aspek kepimpinan. Anda akan sedar yang anda ada sesuatu yang mesti dipelajari. Anda perlu cekap menolong dan ambil segala peluang yang diperoleh.
- ❑ Menjadi seorang pegawai dan seorang ketua adalah satu tugas yang besar. Jadilah seorang pegawai yang boleh memuaskan hati semua pihak.
- ❑ “tidak ada urat atau pasukan yang baik dan tidak baik, tetapi ada pegawai yang baik dan tidak baik”.

KURSUS : PANDUAN ASAS
PERKARA : PENTADBIRAN
TAJUK : COMMAND (ARAHAN KAWAD)

*Membentuk seorang tentera yang berdisiplin dan dapat bersatu padu dalam satu pasukan.

ARAHAN

MUSTER

❖ Skuad, skuad sedia

- Ke kanan lurus. (Sepenumbuk diantara ruang, rapat-rapat)
- Dengan ke kanan lurus. (Satu depa tangan, jauh-jauh)

(Utamakan ladies dahulu, iaitu guys paling kanan dalam barisan dan di hadapan)

❖ Pandang depan

❖ Dari kanan, nombor (orang belakang palig kiri dalam skuad) :

“_____ blank file sir” atau “full sir”.

❖ Senang diri

- CL bertanya kepada skuad, untuk dapatkan informasi kehadiran dan sebab tidak hadir.
- Semetara menunggu informasi, biasanya DCOD akan memberi arahan. (Rujuk nombor 5)

“Tetapi, apabila pegawai yang lebi senior datang”,

CL	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Baris, baris sedia. (SALUTE) 1, 2, 3, 1 ▪ Bagi salam (ASSALAMUALAIKUM / SELAMAT PAGI / PETANG) Tuan / ▪ Puan, (menghadap senior) kebenaran menjalankan tugas / lain-lain tugas. ▪ Tuan / Puan. Request permission to carry on, sir / ma’am
SENIOR	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Lakukan / carry on
CL	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tuan / Puan / sir / ma’am (SALUTE) 1, 2, 3, 1. Baris senang diri.

NOTE : Dalam keadaan seperti ini,

- Antara senior midshipmen dan CO (pangkat paling tinggi CO)
- Antara CO dan Subby (pangkat paling tinggi Subby)

1) LAPOR LEWAT (PERSONAL REQUEST)

CL	<ul style="list-style-type: none">▪ (SALUTE) 1, 2, 3, 1▪ Bagi salam (ASSALAMUALAIKUM / SELAMAT PAGI / PETANG) Tuan / Puan
CL	<ul style="list-style-type: none">▪ (SALUTE) WAALAIKUMUSSALAM / SELAMAT PAGI / PETANG
OC	<ul style="list-style-type: none">▪ Kebenaran masuk baris Tuan / Puan
CL	<ul style="list-style-type: none">▪ Lakukan
OC	<ul style="list-style-type: none">▪ Tuan / Puan (SALUTE) 1, 2, 3, 1
CL	<ul style="list-style-type: none">▪ (SALUTE) 1, 2, 3, 1

2) LAPOR LEWAT (DUA ORANG ATAU LEBIH)

- Buat satu baris di sebelah kiri intake anda, lakukan secepat mungkin.
- Seorang daripada kadet ambil peranan sebagai CL.

*OC : Lewat lapor (seperti nombor 2)
- OC kembali kepada baris tadi dan memberi arahan “bersurai” kepada baris
- CL akan arahkan “dengan ke kanan lurus”. Apabila arahan diberi, terdapat segelintir kadet yang lewat. Tidak perlu melapor dan terus masuk baris.

3) ARAHAN AM

- Apabila dapat perintah lakukan, betulkan pakaian masing-masing lakukan (semua pegawai kadet sahut “Tuan / Puan”)
- Bergerak ke kiri / kanan bertiga-tiga, ke kiri/ kanan pusing. Dari kanan/ kiri cepat jalan / lari
- Kepada barisan ke kiri / kanan pusing
- Lari hentak kaki
- Skuad henti

*Tips untuk CL

- ✓ Apabila mendapat perintah ke kiri pusing dari kanan cepat jalan / lari
- ✓ Apabila memberi perintah ke kanan pusing dari kiri cepat jalan / lari

DCOD MENGARAHKAN CL

- DCOD arahkan pegawai barisan hadapan. “Pegawai barisan hadapan sedia”
(suara yang perlahan sahaja)
- Baris- baris sedia (suara yang lantang)
- Apabila dapat perintah lakukan, ketua-ketua kelas lapor kekuatan kelas masing-masing. Lakukan
- CL : Tuan / Puan (SALUTE) 1, 2, 3, 1 mula melapor
- Selesai melapor, DCOD akan melapor kepada DMOD, seterusnya DMOD akan melapor kepada DO/CO, selesai melapor DCOD akan memberi arahan “senang diri” atau sebagainya mengikut arahan DMOD, seterusnya DCOD akan memberi arahan.
- CL : Tuan / Puan (SALUTE) 1, 2, 3, 1

4) CLLAPOR KEKUATAN KEPADA DCOD

CL	▪ (SALUTE) 1, 2, 3, 1. Bagi salam (ASSALAMUALAIKUM / SELAMAT PAGI / PETANG) Tuan / Puan
DCOD	▪ Jawab salam
CL	▪ Kelas pegawai kadet Palapes Laut UUM, Tahun _____, Ambilan _____, kekuatan _____, hadir dalam baris _____, _____ SOB, _____ LDOD, _____ tidak hadir, _____ lain-lain hal Tuan / Puan
DCOD	▪ Bagus
CL	▪ Tuan / Puan (SALUTE) 1, 2, 3, 1

5) DCOD MELAPOR KEPADA DMOD

CL	<ul style="list-style-type: none"> ▪ (SALUTE) 1, 2, 3, 1. Bagi salam (ASSALAMUALAIKUM / SELAMAT PAGI / PETANG) Tuan / Puan
DCOD	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Jawab salam
CL	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Baris terdiri daripada _____ platun, Tahun 1, 2 dan 3. *Kelas pegawai kadet / kadet kanan UUM, Kekuatan _____, hadir dalam baris _____, _____ SOB, _____ LDOD, _____ tidak hadir, _____ lain-lain hal Tuan / Puan
DCOD	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Bagus
CL	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Tuan / Puan (SALUTE) 1, 2, 3, 1

*sekiranya terdapat LEBIH dari satu universiti, nyatakan

- Universiti
- Kekuatan hadir dan tidak hadir

*sekiranya kekuatan DIBAHAGIKAN kepada BAHAGIAN, nyatakan

- Bahagian Thana / Zain
- Kekuatan hadir dan tidak hadir

6) PEMERIKSAAN BARISAN (PRE-INSPECTION)

- Skuad, skuad sedia
- Buka barisan gerak
- Dengan ke kanan lurus (jarak satu depa)
- Pandang depan

